

CABARAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN TASMIK ATAS TALIAN

Siti Nur Aziemah Rosli
Fakulti Pendidikan, Pendidikan Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Khadijah Abdul Razak
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author's Email: p105155@siswa.ukm.edu.my

Article History:

Received : 11 December 2021

Accepted : 24 December 2021

Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Pengajaran atas talian sudah menjadi norma baharu sejak fasa awal era pandemik Covid-19. Tasmik, satu komponen dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah tidak terkecuali. Komponen ini berfokuskan kepada pembacaan Iqra' dan al-Quran. Namun, cara terbaik dalam pelaksanaan tasmik ialah *talaqqi musyafahah*, iaitu secara bersemuka dan mulut ke mulut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pembelajaran tasmik secara atas talian dan cadangan penyelesaian yang diambil oleh guru Pendidikan Islam bagi mengatasinya. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan melaksanakan kajian kes di Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Bintulu. Kaedah persampelan ialah persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ialah analisis dokumen dan temu bual. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik. Jumlah responden merupakan dua orang guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Bintulu. Dapatan kajian mendapati bahawa cabaran pengajaran tasmik atas talian terdiri daripada komitmen murid, kekangan ekonomi dan capaian internet. Manakala cadangan penyelesaian bagi isu tersebut ialah pujukan dan nasihat daripada guru dan komitmen ibu bapa. Implikasi daripada kajian ini dijangka dapat mewujudkan satu penyelesaian masalah berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran tasmik secara atas talian.

Kata kunci: Pengajaran tasmik, *Talaqqi musyafahah*, Komitmen murid, Capaian internet, Komitmen ibu bapa

CHALLENGES AND STRATEGIES IN TASMIK ONLINE TEACHING

ABSTRACT

*Online teaching has been a new norm worldwide since the early phase of this pandemic Covid-19 era. Tasmik, one of Islamic Education component, especially in primary school is not excluded. This particular component focuses on Iqra' dan Quran reading. However, the best way to practise tasmik is *talaqqi musyafahah*, which is one to one, mouth to mouth and it is seen to have some issues such as students' commitment, Internet connection and parents' concern. Therefore, this study will find challenges faced by Islamic Education Teachers in Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Bintulu in*

teaching tasmik online and their strategies to overcome this matter. This study uses a qualitative approach where interview is used and analyzed based on thematic method. The respondents are two Islamic Education Teachers in Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Bintulu. The sampling method used is purposive sampling. The findings from this study from the challenges aspect are students' commitment, household economy and Internet connection. While the solutions are encouragement and advices from teachers, parents' commitment expected to offer solutions to problems related to tasmik online teaching.

Keywords: *Tasmik lesson, Talaqqi musyafahah, Students' commitment, Internet connection, Parents' commitment*

PENGENALAN

KPM (2020) dalam Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020 telah memberikan garis panduan pelaksanaan PdP semasa perintah kawalan pergerakan disebabkan penularan jangkitan Covid-19. Pembelajaran secara atas talian (*virtual learning*) atau pendidikan jarak jauh (PJJ) adalah satu alternatif yang dapat memberi faedah kepada mereka yang bekerja dan ingin menyambung pelajaran mereka secara sambilan (Ayob Johari & Kamarolzaman Mohd. Jidi, 2002).

Antara mata pelajaran yang terlibat dalam pelaksanaan proses PdP ini termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam pengajaran bidang al-Quran, terdapat satu model yang telah diperkenalkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam & Moral KPM (2005) iaitu Model Tasmik Khatam al-Quran. Namun para guru berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan model tasmik sepanjang tempoh pelaksanaan PKP bagi mencegah penyebaran Covid-19 kerana kaedah pelaksanaan tasmik yang paling sesuai adalah secara *talaqqi musyafahah*. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti cadangan penyelesaian yang diambil oleh para guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tasmik dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka cabaran-cabaran guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran Tasmik secara atas talian serta meneroka cadangan penyelesaian guru-guru Pendidikan Islam dalam membantu guru Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran Tasmik secara atas talian.

Dalam PdP atas talian ini, guru tetap melaksanakan penilaian dan pemantauan seperti proses pembelajaran normal, namun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi guru dan pelajar dari segi aplikasi PdP atas talian ini. Sungguhpun PdPR sudah berlangsung hampir dua tahun, belum ada lagi kajian yang dijalankan mengenainya, hanya kajian berkenaan tasmik hafazan al-Quran sahaja pernah dibuat (Siti Azura, 2021). Banyak kajian lain yang dibuat berkenaan pengajaran atas talian, namun belum ada lagi kajian khusus yang dibuat fokus bagi pengajaran tasmik ini.

KAJIAN LITERATUR

Program Tasmik

Mohd Izzuddin, Azmil Hashim dan Kamarulzaman (2015) menyatakan bahawa Model Tasmik Khatam al-Quran ialah satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diaturkan bagi membolehkan murid khatam al-Quran semasa berada di Sekolah Kebangsaan. Pelaksanaan Model Tasmik dalam proses PdP secara pembelajaran atas talian juga harus dilaksanakan oleh para guru Pendidikan Islam sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan berikutkan pandemik Covid-19 ini. KPM telah menyarankan agar menggunakan pendekatan *talaqqi musyafahah* dalam pembelajaran al-Quran di sekolah. *Talaqqi musyafahah* merupakan kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru (Sedek Ariffin, 2009).

Kaedah Talaqqi Musyafahah

Talaqqi musyafahah merupakan kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru (Sedek Ariffin 2009). Ab. Halim *et al.* (2013) mendapati bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* penting dalam melaksanakan model-model Tilawah al-Quran ini. Sungguhpun begitu, masih wujud dalam kalangan guru yang tidak menggunakan dan menekankan *talaqqi musyafahah* di dalam proses PdP. Menurut Sapie Sabilan (2016) kaedah pembelajaran secara *talaqqi musyafahah* membantu pelajar dalam menguasai al-Quran dan membantu mereka untuk khatam al-Quran. Keberkesanan pendekatan *talaqqi musyafahah* ini membantu penguasaan bidang al-Quran murid dan membantu murid untuk khatam al-Quran, (Sapie Sabilan, 2018). Pandangan ini disokong Norhisham *et al.* (2019) yang mendapati wujudnya hubungan antara pelaksanaan *talaqqi musyafahah* dengan penguasaan bacaan al-Quran.

Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid

Menurut Hanafi Mamat dan Ismadi Ishak (2016), pada tahun 2009, Misnan Jemail *et al.* (2013) menyatakan bahawa 75% responden menguasai ujian tilawah al-Quran dengan baik pada tahun 2009. Manakala Nurfadilah dan Muhammad Mustaqim (2013) mendapati bahawa 57.4% murid menguasai al-Quran dengan baik, 13.2% pada tahap sederhana dan 29.4% lemah membaca di Melaka. Dalam kajian Fairuz Samsudin (2011) di Kedah pula, 81% murid telah menguasai al-Quran. Namun begitu, perincian dalam aspek kemampuan membaca al-Quran hanya berada pada tahap memuaskan dan terdapat 0.78% yang tidak berjaya khatam al-Quran mengikut bacaan guru. Misnan (2013), satu kajian di Perak mendapat keputusan 75.77% penguasaan bacaan murid pada tahap baik daripada responden yang berjaya menguasai bacaan al-Quran. Suryati Basra (2013) mendapati bahawa penguasaan responden kajian di Selangor dalam modul enam bulan khatam al-Quran program j-QAF adalah pada tahap sederhana. Norlela (2007) melaporkan dalam kajian beliau, bahawa Sabariah (2009), Amal Hayati (2012), Nasithat Abdul Hamid *et. al.* (2013) dan Rizuan Mohd (2016) merumuskan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program j-QAF khususnya model khatam al-Quran adalah pada tahap yang tinggi dan amat bersedia. Konklusinya, kesediaan guru mempengaruhi penguasaan bacaan murid, akan tetapi, dalam suasana pandemik ini di mana guru tidak dapat mengajar secara bersemuka dengan murid, penguasaan bacaan murid dikhuatiri menjadi semakin merosot.

Komitmen Ibu Bapa terhadap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid

Menurut Mohd Hanafi dan Hamdi (2016) lagi, kesan pengaruh penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran murid dibuktikan melalui hasil kajian oleh Sabrina Yusoff (2015) berkaitan dengan hubungan gaya dan didikan beragama ibu bapa terhadap amalan beragama dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara didikan agama ibu bapa dengan gaya pengamalan ajaran agama murid. Terdapat ibu bapa yang kurang mahir dalam penguasaan Iqra' dan al-Quran, bahkan ada yang tidak kenal huruf, terutama di Sarawak, di mana masih ramai lagi yang buta al-Quran. Jika mereka mempunyai adik-beradik lain yang boleh mengajar mengaji ataupun ibu bapa mengambil inisiatif mendaftar anak belajar mengaji secara atas talian, tidak menjadi masalah. Namun, masalah timbul apabila, perkembangan mengaji anak diabaikan, dan apabila murid ke sekolah, mereka lupa akan huruf yang telah mereka kuasai sebelum PKP dan PdPR. Maka, guru tidak dapat untuk menaikkan tahap bacaan murid, malah, mengundur bacaan mereka pada muka surat yang terkebelakang.

Profesionalisme Guru dalam Pengajaran Tasmik

Chong, Muhammad Faizal dan Zuraidah Abdullah (2016) berpendapat masih kurang perkongsian profesional guru antara guru di sekolah. Walaupun Mohd Izzudin *et al.* (2015), mendapati kesediaan guru dalam Pengajaran Model Tasmik j-QAF, berada pada tahap yang tinggi, namun Amal Hayati (2012), menyatakan bahawa pelaksanaan model Tasmik adalah membosankan kerana bersifat statik dan hanya dilaksanakan di dalam sekolah, bukan di masjid dan surau. Tambahan pula, kekangan masa pelaksanaan Model Tasmik dan Khatam al-Quran tidak mencukupi seperti yang telah dinyatakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan pada tahun 2012.

Tambahan lagi, Misnan Jemali *et. al.* (2013) mendapati guru j-QAF kurang mahir menggunakan peralatan ICT, kurang mahir menggunakan teknik-teknik pengajaran yang dicadangkan dalam model j-QAF serta kurang mahir dalam bidang pedagogi, mengawal kelas dan merumus pelajaran. Permasalahan ini wujud kerana kesukaran mendapatkan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan ketidakcukupan BBM. Guru j-QAF perlukan menerapkan elemen amalan dalam pengajaran (Fathiyah *et. al.*, 2013). Guru tergesa-gesa menghabiskan sukanan pelajaran dalam masa yang singkat. Malahan, bilangan murid yang terlalu ramai dan beban melaksanakan aktiviti selain pengajaran menyebabkan tugas pengajaran terganggu. Tambahan itu, guru j-QAF dilibatkan dengan aktiviti tambahan dan pengurusan (Asmawati Suhid, 2013).

Fairuz (2011) dan Paharudin *et al.* (2014) mendapati bahawa matlamat Program Model Khatam al-Quran j-Qaf masih tidak dapat dicapai kerana masih terdapat murid yang gagal menghabiskan sukanan khatam al-Quran. Kelemahan yang telah dikenal pasti adalah merangkumi aspek penguasaan huruf hijaiyyah (Norsyidah, 2004; Nafishah, 2007), penguasaan al-Quran Braille (Roshaida Yaakob, 2004; Alimah, 2006; Mustaffa Abdullah, 2010; Hajarul Bahti *et al.*, 2010), kelancaran dalam membaca al-Quran (Khadijah Abdul Razak, 2008) dan pengetahuan tajwid (Roshaida, 2004; Hajarul *et al.*, 2012). Menurut Norhisham *et. al.* (2019), perkara ini berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan hubungan dua hala di antara pengajar dan pelajar. Dapatan Hajarul Bahti Zakaria (2010) mendapati bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran adalah berpuncak daripada penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi.

Bahan Pengajaran berunsurkan Teknologi Maklumat

Roida Pakpahan dan Yuni Fitrian (2020) menyatakan bahawa penggunaan bahan-bahan yang berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi semasa Covid-19 ini dapat membantu proses PdP berjalan dengan baik.. Guru Pendidikan Islam harus merancang proses PdP yang bersesuaian bagi mengintegrasikan pendekatan *talaqqi musyafahah* ini bagi mengajar bidang al-Quran dengan cara yang berkesan. Oleh itu, para guru haruslah komited dan bersedia untuk bertindak kreatif dan inovatif dalam memastikan pelaksanaan tasmik semasa Covid-19 masih berleluasa. Siti Azura *et. al.* (2021) mendapati tahap keberkesanan yang tinggi menunjukkan bahawa pembelajaran dan pengajaran dalam talian menyediakan peluang kepada generasi baharu dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat.

Kerangka Kajian

Dalam pengajaran tasmik secara atas talian, guru perlu memastikan murid sudah menguasai kemahiran asas membaca al-Quran terlebih dahulu sebelum meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bersesuaian dengan teori pembelajaran kognitif yang dinyatakan oleh Gagne. Perkara ini turut dijelaskan oleh Ibnu Khaldun iaitu ilmu perlu diajar secara beransur-ansur dan diulang-ulang sebelum beralih kepada pelajaran baharu. Pengajaran tasmik atas talian akan dapat dilaksanakan berpandukan dua teori ini sekaligus membantu guru dalam merancang sesi pengajaran dan pembelajarannya agar menjadi lebih efektif dan bermakna.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual. Soalan temu bual yang digunakan ialah soalan temu bual separa berstruktur. Pengkaji menggunakan *Google meet* sebagai platform temu bual. Temu bual ini bertujuan mendapatkan cabaran dan cadangan penyelesaian pengajaran tasmik atas talian dalam kalangan GPI di lokasi Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Bintulu. Populasi kajian ialah Guru-guru Pendidikan Islam, yang mengajar subjek Pendidikan Islam di seluruh Malaysia, khususnya Guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang terlibat langsung dalam program tasmik ini. Kaedah persampelan pula ialah persampelan bertujuan, di mana pengkaji memilih dua orang guru Pendidikan Islam di Sekolah Kampung Baru Bintulu untuk dijadikan responden temu bual bagi tujuan pengumpulan data bagi menjawab persoalan kajian. Dua informan tersebut dipilih berdasarkan pengalaman dan juga pengetahuan dalam Pendidikan Islam.

Tatacara Analisis Data

Transkripsi hasil rakaman audio temu bual dibuat secara verbatim. Bagi menganalisis data pula, pengkaji mendeskripsikan rakaman temu bual dalam verbatim. Pengkaji memilih pendekatan tematik dalam menganalisis data deskriptif bagi idea-idea utama berkenaan; Amalan sekolah bagi pelaksanaan tasmik atas talian sebagai mukadimah atau pembuka soalan, cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan tasmik atas talian serta cadangan penyelesaian bagi membantu pelaksanaan tasmik atas talian, iaitu objektif kajian itu sendiri.

Dapatan Kajian

Cabaran Pengajaran Tasmik atas Talian

Komitmen Murid

Informan 1 dan 2 menyatakan bahawa murid kurang ambil peduli akan kepentingan pembelajaran tasmik ataupun mengaji ini. Hal ini dapat dilihat melalui kehadiran mereka yang hanya 50 peratus daripada kehadiran sebenar berbanding sesi pengajaran dan pembelajaran tasmik biasa di sekolah secara bersemuka. Situasi ini berlaku apabila tiada kesedaran bahawa betapa pentingnya kemahiran membaca iqra' dan al-Quran dalam kehidupan seperti yang telah dinyatakan oleh Informan 1.

Kekangan Ekonomi

Menurut Informan 1, kekangan ekonomi menyebabkan kesukaran untuk mendapat akses internet bagi menghadiri kelas pengajian tasmik, ataupun mengaji secara atas talian. Informan 2 pula menyebut bahawa perkara ini sangat mengganggu dalam penyampaian dan penerimaan ilmu, terutama dalam membaiki cara bacaan dan sebutan murid dalam membaca iqra' dan al-Quran di mana internet merupakan saluran utama. Informan 1 berpendapat bahawa kekurangan dari segi kewangan mendorong kesusahan untuk membeli data yang digunakan bagi tujuan tasmik atas talian. Pendapatan keluarga tidak dapat disalurkan ke jalan pendidikan al-Quran murid kerana faktor lain yang lebih penting seperti makanan asasi seperti barang dapur dan tempat berlindung berupa bayaran sewa rumah. Situasi ini berkaitan dengan pendapat Susanti (2017) yang mengatakan bahawa faktor sosioekonomi mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

Tiada Suasana Belajar

Kedua-dua informan mengutarakan isu ini berkait rapat dengan kekangan ekonomi di mana ibu bapa atau penjaga tidak mampu untuk menyediakan ruang belajar yang kondusif bagi murid untuk belajar. Perkara ini dibuktikan lagi dengan situasi semasa pengajaran dan pembelajaran tasmik secara *video call* berlangsung, di mana terdapat suara adik murid menangis, merengek, selain suara ahli keluarga lain

berbual sebagai latar belakang. Informan 2 mengulas bahawa, situasi ini sangat mengganggu murid dan guru untuk mendengar suara masing-masing di mana guru perlu mendengar sebutan murid untuk menegur jika ada kesalahan dan murid perlu mendengar suara guru dengan jelas bagi membetulkan bacaan. Sekiranya bacaan tidak dapat dibetulkan, maka objektif pengajaran dan pembelajaran tasmik bagi membetulkan bacaan iqra' dan al-Quran murid tidak dapat dicapai.

Masalah Capaian Internet

Menurut Informan 2, tidak semua tempat mempunyai capaian internet yang baik. Hal ini menyukarkan bagi murid untuk mengikuti proses pembelajaran tasmik dengan baik. Ada juga tempat yang capaian internet sangat lemah bahkan "chat" juga sukar dilakukan seperti di ladang di mana murid yang ibu bapanya bekerja di ladang tinggal selain berlaku servis pemberian oleh syarikat telekomunikasi. Perkara ini disokong dengan pendapat Informan 1 di mana timbulnya isu murid tidak dapat memfokuskan pembetulan bacaan yang telah dibuat oleh guru, malah guru juga tidak dapat mendengar dengan jelas bacaan murid, samada yang belum dibetulkan ataupun sudah dibetulkan. Maka, penyampaian dan pertukaran ilmu di sini sudah menjadi tidak efisien disebabkan masalah capaian internet yang timbul. Menurut Zaharah Hussin dan rakan-rakan (2015), '*Blended Learning*' berasal daripada dua perkataan, iaitu '*blended*' dan '*learning*'. Jika ditafsir secara kalimah, '*blended*' bermaksud campuran ataupun adunan, manakala '*learning*' pula bermaksud pembelajaran. Dapatlah disimpulkan bahawa '*blended learning*' ini merupakan campuran ataupun pembelajaran yang diadunkan cara mahupun medium penyampaiannya, iaitu secara atas talian serta secara tradisional. Dalam '*blended learning*', guru hanya berperanan sebagai pemudah dan penunjuk cara sahaja dalam proses pembelajaran murid. Hal ini bermakna, kaedah pembelajaran ini menggunakan model konstruktivisme, di mana murid ataupun pelajar itu sendiri membina pengetahuan berpandukan bahan-bahan yang disediakan secara atas dan luar talian. Dalam pada masa yang sama, '*blended learning*' ini juga berhajatkan kepada kemajuan dalam bidang teknologi yang melibatkan medium perantaraan seperti komputer, komputer riba, '*tablet*' atau '*ipad*' mahupun telefon pintar (Nor Zanira Abd Manan & Hafizul Fahri Hanafi, 2020). Selain itu, capaian internet yang kuat juga memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan kelangsungan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan secara teradun ini.

CADANGAN PENYELESAIAN BAGI CABARAN PENGAJARAN TASMIK ATAS TALIAN

Pupuk Minat Murid agar Mencintai Al-Quran

Menurut Informan 1, bagi menyelesaikan masalah komitmen murid, guru hendaklah memainkan peranan dalam menasihati, memujuk dan memotivasikan murid agar mencintai al-Quran dengan membacanya pada setiap hari. Baca setiap hari seperti makan nasi. Nasi itu untuk makanan jasmani, manakala baca iqra' ataupun al-Quran ini untuk makanan rohani. Guru bolehlah menggunakan hadis Nabi di mana al-Quran menjadi syafaat ketika di akhirat kelak bagi mereka yang membaca dan mengamalkannya. Di samping itu, guru juga bolehlah memujuk murid untuk mencintai al-Quran dengan menggambarkan situasi di mana ibu bapa mereka akan meninggal dunia kelak, mereka boleh membaca Yasin untuk ibu bapa mereka kerana mereka sudah mahir membaca al-Quran. Meskipun murid tidak dapat mengikuti sepenuhnya nasihat, pujukan dan motivasi yang telah guru usahakan, tetapi insyaAllah nanti, akhirnya 10 atau 20 tahun akan datang, murid akan terkenang kembali nasihat, pujukan dan motivasi yang pernah guru berikan. Maksudnya, guru perlulah berpesan sentiasa kerana pendidikan itu sendiri sifatnya memakan masa seperti analogi membina sesebuah tamadun yang mengambil masa yang lama, namun untuk meruntuhkannya hanya sebentar sahaja. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ainun Rahmah *et.al.*, (2017) dalam kajiannya yang melihat guru sebagai faktor pendorong utama untuk memotivasikan murid dalam proses pembelajarannya. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa motivasi murid untuk belajar lebih tinggi apabila mendapat sokongan dan dorongan yang baik daripada guru.

Komitmen Ibu Bapa

Pendapat Informan 2 iaitu ibu bapa memainkan peranan yang peri penting dalam menyediakan anak untuk belajar terutama dari segi pembelian data internet, pembayaran bil internet, mahupun keadaaan suasana belajar itu sendiri. Walhal, pihak kerajaan, swasta, Persatuan Bukan Kerajaan dan guru sudah banyak membantu dari segi pembelian data dan penyediaan peranti.

Menurut beliau lagi, berkenaan dengan mewujudkan suasana belajar pula, apa-apa juga peralatan dan perkakas boleh diubah menjadi meja dan kerusi serta mana-mana ruang ataupun bilik kosong boleh dijadikan ruang khusus sementara untuk belajar. Tambahan, murid hanya belajar pada siang hari sahaja, itu pun dari pagi hingga tengah hari, tidak mengganggu waktu lain.

Informan 1 berpendapat bahawa pengetahuan yang kurang untuk mengajar anak bukanlah satu masalah. Hal ini demikian kerana, guru sentiasa bersedia untuk memberi bantuan samada dari segi kewangan, masa dan tenaga untuk membantu murid dan ibu bapa dalam kemenjadian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atas talian ini. Misalnya, guru sanggup mengosongkan waktunya peribadi di luar waktu bekerja bagi memastikan murid dapat menyertai pembelajaran tasmik atas talian. Komitmen ibu bapa ini berkaitan dengan pendapat TH Subra (2019) iaitu kelas sosial yang diukur mengikut tahap pelajaran ibu bapa turut memberi kesan kepada komitmen mereka dalam pelajaran anak-anak. Akhir sekali, perkara ini akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

PERBINCANGAN KAJIAN

Norhisham *et.al.* (2019) menyatakan pengajaran ialah satu tugas dan aktiviti yang dilakukan secara bersama oleh guru dan pelajarnya. Menurut Hafizul Rasdi (2018), masih ramai pelajar yang belum mampu membaca al-Quran dengan baik. Perkara ini dibuktikan oleh kajian-kajian yang dilakukan oleh Raihan (2000); Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (2000); Ramli (2000); Ramlan (2000); Mohammad Naim (2003); Zulfah (2003); Mohd. Aderi (2004).

Menurut Nur Atiqah dan Noornajihan (2018), Isu-isu yang wujud dalam pengajaran Pendidikan Islam komponen Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia adalah kelemahan pelajar dalam aspek penguasaan bacaan (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi, 2003; Misnan, 2008; Aderi, 2008; Mohd Abbas & Farihatun, 2010; Azarudin *et al.*, 2011).

Keberkesanan pendekatan *talaqqi musyafahah* ini dalam membantu penguasaan bidang al-Quran oleh murid dibuktikan oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Sapie Sabilan (2018) yang menyatakan bahawa 79.4% bersetuju bahawa pembelajaran *talaqqi dan musyafahah* membantu pelajar khatam bacaan al-Quran. Pandangan ini disokong oleh dapatan kajian Norhisham *et al.* (2019) yang menunjukkan bahawa pelaksanaan *talaqqi musyafahah* berada pada tahap tinggi.

Menurut Siti Azura dan rakan-rakan (2021), cabaran dari pihak pelajar ialah capaian internet, tiada kemudahan peranti, suasana pembelajaran yang tidak kondusif serta penyalahgunaan internet. Manakala cabaran dari pihak guru pula adalah dari aspek kepakaran guru menggunakan platform e-pembelajaran, capaian internet, suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk mengajar dan keberkesanan internet. Tambahan pula, guru menghadapi masalah kehadiran dan komitmen murid dalam menghadiri kelas tasmik.

Di samping itu, Jaggil Apak (2018), berpendapat kepentingan kreativiti guru di dalam bilik darjah diakui semenjak sekian lama (Lou & Chen, 2012; KPM, 2013; Craft, 2015; George Tamaki, 2015). Karwowski, Lebuda, Wisniewska dan Gralewski (2013) menyatakan bahawa tingkah laku kreativiti dan inovasi dalam kalangan guru boleh diterima sebagai satu komponen yang sama.

Muhammad Faizal dan Zuraidah Abdullah (2016) mendapati bahawa, sekolah masih kurang menggunakan perkongsian profesional guru antara guru di sekolah. Tuntasnya, pengkaji berharap agar kajian ini dapat dilaksanakan berbekalkan keazaman, usaha dan komitmen daripada semua pihak dan manfaatnya akan dikongsikan bersama.

Sesungguhnya jika usaha ini terbit daripada pihak guru dan ibu bapa sahaja, hasilnya adalah kurang memberangsangkan sekiranya dibandingkan dengan sokongan dan dorongan daripada pihak kerajaan ataupun pemimpin masyarakat seperti wakil rakyat, pemilik syarikat besar terutamanya melibatkan media massa serta media sosial yang capaian dan keterjangkauannya melebihi media massa

berkenaan kepentingan penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid umumnya, dan khususnya pengajian tasmik yang kini dijalankan secara atas talian. Perkara ini telah diulas oleh Rahayu Ahmad dan rakan-rakan, (2020), iaitu bertindak dengan fleksibel dalam suatu perubahan. Malahan, Hazlin Falina Rosli dan rakan-rakan (2016), turut memberikan pendapat bahawa media mempunyai kepentingan dan saham dalam mengubah cara pemikiran masyarakat, bukan setakat menyampaikan maklumat sahaja.

Dalam pada masa yang sama, kaedah talaqqi musyafahah seperti yang disebutkan dalam kerangka kajian sangat diutamakan dalam penyampaian ilmu bacaan al-Quran yang terdapat dalam Model Tasmik. Malahan, Teori Pendidikan Ibnu Khaldun yang menyebut interaksi guru dengan murid, penggunaan kaedah, proses pengajaran serta cara individu menerima pengetahuan dalam model malakat contohnya yang menjelaskan bahawa alat pengetahuan yang paling asas ialah lima pancaindera yang terdiri daripada rasa, sentuhan, pendengaran, penglihatan dan menghidu (Ghazali, 2008) turut diamalkan melalui interaksi bersemuka secara atas talian melalui medium *google meet* dan panggilan video *Whatsapp* selain *Telegram Chat* serta rakaman audio dan video. Penyampaian ini juga dilaksanakan mengikut Teori Pembelajaran Gagne yang dijalankan secara berperingkat di mana guru membimbang murid mengikut tahap mereka.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada korpus ilmu Pendidikan Islam dalam memberikan cadangan penyelesaian kepada Guru-guru Pendidikan Islam yang menghadapi masalah dalam melaksanakan tasmik secara atas talian serta membantu mereka dalam melaporkan penilaian e-pelaporan j-QAF yang perlu diisi dua kali setahun berkenaan tahap penguasaan bacaan iqra' dan al-Quran murid. Dalam pada masa yang sama, tahap penguasaan bacaan Iqra' dan al-Quran murid juga dapat direkodkan dengan telus dan ditingkatkan, sekaligus mengurangkan kadar kecinciran buta al-Quran dalam kalangan murid. Cadangan kajian lanjutan pula adalah membuat kajian berkenaan pengaruh penguasaan bacaan penguasaan al-Quran pelajar dengan penguasaan tulisan Jawi. Hal ini adalah bagi mengulas dengan lebih lanjut lagi pengaruh penguasaan pelajar terhadap kefahaman al-Quran dan kemahiran untuk membaca terjemahan tulisan Jawi seperti yang dinyatakan oleh Nur Syamira dan rakan-rakan (2017), di mana dua kemahiran ini perlu dititikberatkan dan dipertingkatkan penguasaannya.

RUJUKAN

- Ayob Johari & Kamarolzaman Mohd.Jidi, (2002). *Profession Perguruan Dan ICT Dalam Pendidikan Perguruan: Pengalaman Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru 2002.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum Dan Kokurikulum Program j-QAF*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Feida Noorlaila Isti'adah, (2020). *Teori-Teori Belajar Dalam Pendidikan*. Jawa Barat: Edu Publisher.
- Firmina Angela Nai, (2017). *Teori Belajar Dan Pembelajarannya Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Di SMP, SMA Dan SMK*. Yogyakarta; Penerbit Deepublish.
- Ghazali Darusalam, (2008). *Teori Dan Model Pengajaran Pendidikan Islam*. Universiti Malaya.
- Jaggil Apak, (2018). *Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) .Fakulti Psikologi dan Pendidikan*: Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2020). Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020 garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran semasa PKP disebabkan penularan jangkitan Covid-19. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/3361-surat-siaran-kpm-bilangan-3-tahun-2020-garis-panduan-pelaksanaan-pengajaran-dan-pembelajaran-pdp-semasa-pkp-disebabkan-penularan-jangkitan-covid-19/file> [07 Jun 2020].

- M. Hariwijaya, (2017). *Metodologi dan Teknik Penulisan Skripsi, Tesis & Disertasi: Elmatra*. Diandra Kreatif.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd. Ghani,(2015). Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Program j-QAF. *Tinta Artikuasi Membina Ummah*. 1(1): 1-13.
- Nik Ja'far Nik Ismail, (2004). *Buku Qawaid Tarannum: Cara Berlagu*: Darul Fikir. Kuala Lumpur. Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri, (2019). Kaedah *Talaqqi Musyafahah* Dalam Pengajaran Al-Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK Di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4(32): 273-283.
- Noor Hisham Md Nawi, (2011). Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roida Pakpahan & Yuni Fitriani, (2020). Analisa Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Tengah Pandemik Virus Corona Covid-19. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting and Research* . 4(2): 30-36.
- Rubiah Omar & Jamilah Ahmad. (2009). Kesedaran, Penilaian Dan Penerimaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 155-172.
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Aishah Mohni, (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik j-QAF. Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016), Eagle Bay, Langkawi.
- Sedek bin Ariffin, (2009). Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan Al- Quran. *Jurnal Darul Quran*. Bil.13. 109-127.
- Shababuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad, (2003). *Pedagogi Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Pahang.
- Shahfiezul Shahaimi & Khalid, (2016). *Pengintegrasian Blended Learning dalam Pembelajaran Persekutuan Maya Frog (VLEFROG)*: Fakulti Pendidikan UKM. Bangi.
- Sharon M. Ravitch, Matthew Riggan, (2016). *Reason & Rigor: How Conceptual Frameworks Guide Search*: SAGE.